

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 26 August 1968 > Page 1 > Rayuan2 untok dua lagi ka-lpoh

# Rayuan2 untok dua lagi ka-lpoh

Berita Harian, 26 August 1968, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL5513

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

# Rayuan2 untok dua lagi ka-lpoh

KUALA LUMPUR, Ahad. PEMIMPIN2 parti pembangkang hari ini memuji dan mengucapkan terima kasih kepada Sultan Johor dan Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, kerana jasa mereka melepaskan 11 orang pemuda China dari tali gantung di-Penjara Pudu.

Sambil itu mereka juga berharap dua orang pemuda Melayu Perak yang mengebirai tulum

## Information



Newspaper: Berita Harian [Scroll to Top](#)

Date: 26 August 1968

Reel Number: NL5513

Share

## Table of Contents

< Previous Page 1 Next >

### Nama Akhbar

BERITA HARIAN NASKHAH MALAYSIA No. 4350 ISNIN, 26 OCOS, 1968 2 jAMADIL-AKHIR, 1388. 15

### Rayuan2 untok dua lagi ka-lpoh

Rayuan2 untok dua lagi ka-lpoh KUALA LUMPUR, Ahad. pEMIMPIN2 parti pembangkang hari ini memuji

### Tokoh2 besar ka-Kremlin

Tokoh2 besar ka-Kremlin Puncak penting Moscow di-duga MOSCOW, Ahad PEMIMPIN2 lima buah negara

### Bulgaria rampas Ilyushin

[View Full Table of Contents](#)

yang menghadapi hukuman yang sama akan diampun juga.

Dato S. P. Seenivasagam dan Enche A. Mahendran, peguambela dua orang pemuda yang di-hukum bunoh oleh Mahkamah Tinggi Ipoh kerana kesalahan2 dalam masa konfrantasi dulu akan menghantar suatu rayuan pengampunan bersama yang baru kepada Lembaga Pengampunan Perak dalam sa-hari dua ini.

## Salah sama


Dato Seenivasagam ketika mengulas keputusan Lembaga Pengampunan Johor yang membatalkan hukuman gantung kepada 11 orang pemuda yang di-dapati bersalah bersubahat dengan orang2 Indonesia yang bersenjata dalam masa konfrantasi dulu, kepada hukuman penjara saumur hidup.

Dua orang pemuda yang di-hukum gantung oleh Mahkamah Tinggi Perak atas kesalahan yang sama itu ialah Saidin atau Mohamad Sidek bin Mohamad Nor berumur 25 tahun, saorang penyukat tanah dari Taiping dan Mohamad Noor atau Timbul bin Login, berumur 20 tahun anak sa-orang sarjan polis laut.

## Mendarat


Mereka telah di-tangkap ketika mendarat bersama2 enam orang lagi orang2 Indonesia yang bersenjata dengan sa-buah sampan di-Kampung Panchor, dekat Pantai Remis dalam bulan Februari 1965.

Ketika Lembaga Pengampunan Perak menolak rayuan pengampunan Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman pada 2 Ogos yang lalu, kedua2 peguambela pemuda2 tersebut telah menghantar rayuan kepada Privy Council yang bererti hukuman gantung itu dengan sendiri-nya terpaksa di-tanggalkan dahulu




Dato Seenivasagam menjelaskan bahawa rayuan kepada Privy Council itu tidak menghalang Lembaga Pengampunan Perak menggantikan hukuman penjara sa-umor hidup terhadap hukuman gantung kepada kedua2 pemuda tersebut.

## Terharu



Sementara itu dalam satu kenyataan bertulis, pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) chawangan Perak, Enche Lim Choo Hock telah menyatakan terharu-nya atas keputusan perike-manusiaan Sultan Johor. "Permintaan ra'ayat dari Perdana Menteri membawa kepada ra'ayat biasa telah terpenoh. Sa-sungguh-nya seluruh dunia mengalu2kan keputusan Sultan itu."


Sambil mengucapkan terimakasih kepada pemimpin2 luar dan pertubohan2 yang bersama2 menyertai rayuan pengampunan itu, beliau merayu kepada Perdana Menteri supaya "mem-



buat permohonan yang sama kepada Sultan Perak supaya mencontohi negeri Johor sa-chepat mungkin supaya pemuda2 yang di-hukum serta ibutapa mereka lega dari penderitaan yang ditanggung sejak empat tahun yang lalu."

Semalam Sultan Johor telah mengumumkan bahawa hukuman mati ka-atas 11 pemuda telah di-tukar kepada hukuman penjara sa-umor hidup.

Keputusan itu di-buat oleh Baginda atas rayuan Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman.



Orang yang pertama menyatakan pujian dan terimakasih ka-atas jasa Baginda dan Tengku ia-lah Setiausaha Agung GERAKAN, Dr. Tan Chee Khoo.

Beliau mensifatkan Sultan Johor dan Tengku sa-bagai memenohi kehendak ra'ayat Malaysia dan seluruh dunia.

Pengerusi parti itu, Profesor Syed Hussein Alatas, dalam satu sidang akhbar hari ini juga menyatakan sanjongan terhadap Sultan Johor dan Tengku dalam soal itu.

## Berharap

Beliau berharap Sultan Perak akan memberikan pengampunan yang sama ka-atas dua orang pemuda Melayu yang melakukan kesalahan sama dan di-kenakan hukuman yang sa-rupa.

Che P.G. LIM, sa-orang daripada peguam 11 orang pemuda China yang terbebas dari hukuman mati itu, berkata "Saya akan menghantar surat menyatakan terima kasih kepada Baginda Sultan Johor atas belas kasehan ka-atas pemuda2 itu."

Beliau juga akan menghantar surat yang sama kepada Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman, kerana jasa-nya menyelamatkan jiwa pemuda2 tersebut.

Sambil itu beliau menyatakan rasa terima kasih-nya dan ibubapa serta keluarga pemuda2 tersebut kepada semua pihak yang bersimpati berusaha penyelamatan nya-nya pemuda2 tersebut.

Uchapan terima kasih juga di-tujukan oleh-nya kepada Menteri Besar Johor, Dato Haji Othman bin Saad, dan juga Setiausaha Politik Perdana Menteri, Enche Yap Chin Kwee.

## Terima kaseh

Che P.G. Lim juga menyatakan harapan supaya Sultan Perak mengampunkan dua orang pemuda Melayu yang menghadapi hukuman yang sama.

Parti Tindakan Demokratik, DAP, juga menyatakan pendapat yang sama ka-atas pihak2 yang berkaitan dengan pengampunan ka-atas pemuda2 tersebut.

Timbalan Setiausaha Agong DAP, Daing Ibrahim bin Othman, telah menghantar kawat terima kasih kepada Sultan Johor dan Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman.

Dalam kawat-nya kepada Tengku, Timbalan Setiausaha Agong DAP itu juga menyatakan harapan agar Tengku memberikan jasa baik-nya bagi menyelamatkan jiwa 2 pemuda Melayu Perak yang menghadapi hukuman mati itu.

Beliau telah menghantar sa-puchok kawat rayuan kepada Sultan Perak supaya mengampunkan pemuda2 Melayu itu.

Pujian dan sanjongan yang sama telah juga di-buat oleh Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya kepada Sultan Johor dan Perdana Menteri Tengku Abdul

Rahman.



**S.P. SEENIVASAGAM**  
Baharui rayuan  
untok dua pemuda

## Related Articles

No related article found.



National Library Board

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29